



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Azman Hashim
International Business School

-ASSIGNMENT 1-

(REPORT 1)

EXTRA-CURRICULAR EXPERIENTIAL LEARNING 2020/2021

UKQE3001 SECTION 04

NAME: AMEERA NABIHA BINTI ABDUL HAKIM AMIR

MATRIC NUMBER: B19BS0002

LECTURER: DR SYAHARIZATUL NOORIZWAN MUKTAR

WEBINAR IAMUSAHAWAN (SIRI II: ABU HASSAN AL BASRI)



REPORTING

Pada hari Sabtu bersamaan dengan 28 November 2020, Kelab Mahasiswa PEMADAM UTM bekerjasama dengan Pusat Kaunseling UTM, PEMADAM Negeri Johor dan PEMADAM Kebangsaan telah menganjurkan program webinar “IAMUSAHAWAN” secara di atas talian. Program ini yang bertajuk “WEBINAR IAMUSAHAWAN (SIRI II: ABU HASSAN AL BASRI)” yang disiarkan secara langsung di Facebook LIVE yang berlangsung selama satu jam setengah iaitu bermula pada pukul 2:30 petang hingga 4:00 petang. Program yang dijalankan telah menjemput seorang panel yang bernama Abu Hassan Al Basri bin Abd Malek yang merupakan mahasiswa Ijazah Sarjana Kejuruteraan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan seorang moderator iaitu Alissa Dalilah Binti Dahlan yang merupakan pelajar Azman Hashim International Business School (AHIBS). Beliau juga merupakan “Pengarah Urusan InosighTech” dan merupakan usahawan berjaya di usia muda dan telah mendalami di dalam bidang usahawan sewaktu masih dalam pengajian di universiti. Melalui program ini, banyak rahsia kejayaan yang dikongsikan oleh beliau dalam bidang keusahawanan yang diceburi dan boleh memberi manfaat kepada para peserta di atas talian.

Program ini bertujuan untuk membimbing usahawan dan bakal usahawan mendalami ilmu perniagaan dengan menyemai semangat keusahawanan, meningkatkan kemampuan perniagaan dan memperluaskan ilmu pengetahuan dan kemahiran keusahawanan bagi mengembangkan perniagaan mereka. Seperti yang sedia maklum, usahawan adalah sesiapa yang terlibat dalam perniagaan seperti menjual atau sebagainya, yang merupakan pemilik tunggal serta dapat mengembangkan perniagaan bagi para usahawan. Malah, usahawan juga adalah individu yang mencipta perniagaan baru yang mampu menanggung risiko yang besar dan dapat ganjaran yang besar. Proses penubuhan perniagaan dikenali sebagai keusahawanan.

Selain itu, pengisian kandungan yang saya dapati semasa program ini berlangsung iaitu rahsia untuk menjadi usahawan yang berjaya. Pertama, niat yang betul ketika menjalankan sebarang perniagaan, kita sebagai usahawan mestilah mempunyai niat yang betul iaitu untuk mencari keredhaan Allah S.W.T. Apa-apa pekerjaan yang dilakukan perlu ada niat yang betul untuk menjadi pekerjaan itu diberkati oleh Allah S.W.T dan memperolehi aliran tunai yang halal. Selain itu, bidang perniagaan yang diceburi perlu ada ilmu kemahiran yang dapat menguasai pelbagai ilmu untuk memudahkan kita sebagai usahawan mencipta kejayaan dalam sesebuah perniagaan yang dijalankan. Akhir sekali, sentiasa berfikiran positif. Para usahawan yang baru memulakan perniagaan perlulah konsisten dalam menjalankan perniagaan. Ini merupakan rahsia yang diberi oleh penceramah program ini.

Di dalam program webinar ini, saudara Abu Hassan Al Basri bin Abd Malek memperkenalkan diri di mana beliau berumur 25 tahun pada tahun 2020. Beliau menetap di Johor dan syarikat beliau berpusat di Johor dan Selangor. Beliau ada menyatakan usahawan yang menubuhkan atau menjalankan perniagaan sendiri dan berusaha untuk memperluaskan perniagaan untuk membantu masyarakat dan juga ekonomi negara. Kepentingan usahawan adalah untuk memenuhi keperluan

masyarakat, meningkatkan atau membaiki ekonomi negara dan usahawan ini bukan untuk diri sendiri tetapi untuk masyarakat dan negara. Seterusnya, ia dapat membantu masyarakat dengan menyediakan peluang pekerjaan, memenuhi kehendak masyarakat dan meningkatkan taraf hidup masyarakat dalam sesebuah negara. Selain itu, beliau memberitahu bahawa usahawan bukan sahaja menjual barangan-barangan bagi keperluan malah ia menjual dari segi teknologi, perubatan, dan sentiasa meningkatkan taraf hidup sesebuah masyarakat di sesuatu kawasan itu. Usahawan juga dapat memajukan masyarakat dari segi perlu adanya persekitaran di mana mempunyai perniagaan kecil, sederhana dan besar yang dapat menampung keperluan untuk membantu masyarakat setempat.

Berdasarkan program webinar yang berlangsung di Facebook LIVE, keusahawanan adalah membuat produk mengikut kreativiti dan produk yang dicipta sangat baru dan perkhidmatan yang diberi untuk memenuhi kehendak dan keperluan manusia. Penyediaan produk atau perkhidmatan, ia dapat memudahkan pengguna jika pengguna memerlukannya. Sepertimana yang anda lihat, keusahawanan ini mempunyai banyak manfaat terhadap masyarakat dan negara di mana ia dapat membentuk minda graduan, melahirkan lebih ramai usahawan yang berjaya dan banyak lagi. Pertama, menawarkan peluang pekerjaan. Adanya perniagaan, ia dapat memberikan masyarakat peluang untuk bekerjasama antara rakyat. Apa yang dimaksudkan apabila tenaga manusia yang diperlukan oleh sesebuah perniagaan menjalankan pelbagai aktiviti. Dengan ini, kadar pengangguran di negara ini dapat dikurangkan. Kedua, beliau juga menceritakan bahawa dia mempunyai sumber inspirasi atau 'role model' untuk menceburi perniagaan seperti Steve Jobs. Akhir sekali, beliau juga mengatakan sekiranya berjaya dalam dunia perniagaan dan dapat menyumbang sebahagian pendapatan kepada masyarakat untuk mengatasi masalah taraf hidup.

RESPONDING

Program “WEBINAR IAMUSAHAWAN (SIRI II: ABU HASSAN AL BASRI)” yang diadakan pada 28 November 2020 ini telah memberikan kesan yang sangat besar dalam diri saya dan dalam kehidupan saya. Apa yang saya dapat daripada program ini, saya dapat menambahkan ilmu pengetahuan yang lebih luas tentang bidang perniagaan. Pada pendapat saya, jika seseorang individu hendak menceburi bidang perniagaan mereka perlu mempunyai ilmu pengetahuan untuk mengembangkan lagi perniagaan tersebut, ia dapat memberi impak positif dalam diri saya di mana saya dapat mempelajari ilmu perniagaan dengan lebih mendalam. Dengan ini, mungkin pada satu hari nanti saya akan memulakan perniagaan sendiri untuk menambahkan pendapatan, mengisi masa lapang, sandaran untuk diri saya sekiranya saya tiada pekerjaan atau dibuang kerja dan sebagainya. Seterusnya, apa yang memperolehi kesan yang positif daripada program ini di mana saya dapat memupuk minat perniagaan dan memberi semangat kepada diri saya sendiri untuk melibatkan diri dalam ilmu keusahawanan. Selain itu, program webinar ini dapat memberi sudut yang positif di mana saya dapat mengeluarkan pelbagai potensi dalam diri apabila saya hendak memulakan perniagaan sendiri. Perniagaan sendiri dapat membantu saya untuk menambahkan lagi pendapatan sekiranya berlaku situasi yang krisis seperti pandemik COVID-19.

Melalui program webinar ini juga membuatkan saya merasa keinginan untuk memulakan bisnes. Program ini juga telah menyedarkan saya sekiranya saya ingin membuka bisnes, saya perlulah ada ilmu dan bimbingan yang betul kerana bisnes tidak boleh dibina dalam masa sehari untuk berjaya. Tambahan pula, program webinar ini juga telah membantu saya sekiranya ingin menceburi dunia bisnes adalah perkara yang tidak mudah untuk saya lalui dalam proses menjadi usahawan dan memerlukan ilmu pengetahuan. Seperti yang sedia maklum, untuk menceburi dunia bisnes atau perniagaan saya perlu kuat dan tidak mudah berputus asa dari segi fizikal dan mental

di mana saya perlu menyakinkan diri agar sentiasa bersedia dan dapat menghadapi segala cabaran yang di hadapi. Program webinar ini juga dapat mengajar saya sekiranya ingin menceburi dunia perniagaan atau bisnes, saya tidak perlu tunggu sehingga tiada pekerjaan baru terfikir untuk memulakan perniagaan. Oleh kerana, saya perlu berebut peluang yang ada sekarang untuk menambahkan pendapatan atau rezeki dan lain-lain.

Antara input yang saya kongsi di dalam program webinar ini adalah kita sebagai usahawan perlu ada strategi perniagaan atau pelan ketika menghadapi pandemik COVID-19 atau negara yang menghadapi ekonomi yang teruk. Banyak ilmu dan pengetahuan yang saya telah dapat iaitu dari segi ilmu kepimpinan dan keusahawanan, malah menunjukkan dan memberitahu cara bagi membentuk jati diri yang mantap serta mental dan fizikal yang kuat supaya dapat digunakan di dalam bidang keusahawanan kelak. Program webinar ini dapat membuktikan bahawa masih ramai graduan yang menceburi bidang keusahawanan untuk menambahkan ilmu, idea dan menghasilkan perkara yang positif dalam diri graduan. Program webinar ini juga dapat mengkongsikan ilmu pengetahuan, peringatan dan juga nasihat bagi bakal usahawan di kalangan graduan.

RELATING

Program “WEBINAR IAMUSAHAWAN (SIRI II: ABU HASSAN AL BASRI)” ini dapat membantu saya sebagai seorang mahasiswa untuk memikirkan masa depan dan menstabilkan kewangan jika saya berhadapan dengan situasi yang tidak dijangka. Apabila saya mendengar ceramah semasa program itu dijalankan, saya dapat memiliki "Graduates Attributes" yang baik dan jelas. Sepertimana yang sedia maklum, mengapa program webinar ini sangat penting bagi diri saya sendiri dan mahasiswa ia kerana dapat meningkatkan daya keusahawanan yang dapat

menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dan meningkatkan lagi kemahiran dalam apa jua yang berkaitan dengan usahawan.

Lebih-lebih lagi, program webinar ini juga menjadikan saya seorang individu yang bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas dengan sempurna dan dapat menghasilkan nilai-nilai murni dalam diri. Jelaslah bahawa adanya nilai-nilai dalam diri dapat membuatkan saya lebih yakin dan tidak malu dan takut untuk mencuba sesuatu yang baru. Nilai-nilai sangat berkait dengan "Graduates Attributes" di dalam seorang individu dan mahasiswa untuk menjadi graduan yang berjaya di dalam dunia perniagaan kelak.

Selain itu, program webinar membantu saya dalam meningkatkan keyakinan diri apabila melakukan kerja berpasukan, berkomunikasi, kemahiran berfikir dan dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi. Maka, adanya ciri-ciri ini di dalam "Graduates Attributes" dapat memudahkan saya untuk mencapai matlamat yang ditetapkan.

Justifikasinya, melalui program webinar ini apa yang saya dapat adalah ia sangat penting ketika saya bekerja nanti. Nilai-nilai seperti meningkatkan keyakinan dalam diri apabila melakukan kerja berpasukan, berkomunikasi, kemahiran berfikir dan dapat menyelesaikan masalah sangat berguna dalam kehidupan seharian walaupun berada diluar kampus dan dapat menerapkan 'Graduate Attributes' dalam diri saya demi menjadi mahasiswa yang berjaya.

Akhir sekali, program webinar ini dapat membantu saya dalam membantu permasalahan bagi permulaan perniagaan di kalangan para usahawan yang ingin menceburi bidang perniagaan. Permasalahan ini perlu diberikan tumpuan yang sepenuhnya. Oleh itu, topik yang dibincangkan di dalam webinar ini berkaitan dengan kehidupan saya kerana saya belajar subjek "Entrepreneurship" di Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur dan di Johor Bharu.

Jelaslah bahawa ia membuatkan saya untuk berusaha membantu untuk menyelesaikan masalah dalam bidang perniagaan. Maka, dengan adanya ciri-ciri ini di dalam "Graduates Attributes" dapat memudahkan saya untuk mencapai matlamat yang ditetapkan.

REASONING

Topik yang telah dibincangkan di dalam webinar ini sangat penting kerana ia telah banyak menerangkan bagaimana nak memulakan perniagaan dengan ilmu pengetahuan mengenai bidang perniagaan yang kurang dan menjadi usahawan yang paling berjaya. Tambahan pula, webinar ini juga sangat penting kepada mereka yang ingin membuka bisnis atau perniagaan. Oleh itu, menerusi program webinar ini, saudara Abu Hassan telah menceritakan perjalanan beliau dalam mencapai kejayaan dalam bidang perniagaan di mana beliau menjadi usahawan yang berjaya ketika beliau masih belajar.

Di samping itu, saya berharap ilmu perniagaan ini dapat diterapkan di dalam diri saya supaya saya mempunyai idea mengenai usahawan yang dibincangkan di dalam program webinar ini. Selain itu, saya juga memastikan bahawa orang di sekeliling saya didedahkan dengan lebih meluas tentang kebaikan perniagaan yang mana dapat membantu dalam melahirkan generasi yang berjaya di dunia perniagaan ini. Melalui program webinar ini, terdapat beberapa tip yang saya perolehi daripada program ini. Sebagai usahawan yang baru berjinak-jinak di dalam dunia perniagaan kita perlu ambil tahu dan sentiasa praktis agar perniagaan kita berjaya. Kita sebagai usahawan perlu mengenali produk yang nak dijual atau dipasarkan di dalam pasaran supaya ia mengembangkan laluan perniagaan kita. Kedua, mengendahkan tanggapan negatif orang terhadap perniagaan kita. Sebagai usahawan yang baru bermula di dalam dunia perniagaan, kita perlu bersedia dari segi fizikal dan mental untuk mengelakkan sebarang tanggapan negatif dan kritikan yang boleh

menjatuhkan perniagaan kita. Perkara yang paling penting yang saya dapat daripada program webinar ini sekiranya benda ini berlaku dalam perniagaan kita, melangkah ke hadapan tanpa menoleh ke belakang untuk meningkatkan keyakinan dalam diri untuk memajukan perniagaan kita. Ketiga, dapat menguruskan kewangan dengan bijak. Untuk memulakan perniagaan, usahawan tersebut perlu belajar dan tahu selok belok mengenai kewangan dan dapat menguruskan syarikat kita dengan baik dan berkesan. Tambahan pula, untuk menjayakan perniagaan kita, kita sebagai usahawan perlu mengikuti kursus pengurusan kewangan dan perniagaan. Tip yang terakhir, untuk menjadi usahawan yang berjaya kita perlu ada idea yang kreatif dan inovatif terhadap produk kita. Dengan ini, kita sebagai usahawan dapat meningkatkan kualiti dan menjayakan perniagaan dari segi keunikan dan kelainan.

RECONSTRUCTING

Secara kesimpulannya, Program “WEBINAR IAMUSAHAWAN (SIRI II: ABU HASSAN AL BASRI)” ini sangat membantu saya untuk memahami lebih mendalam tentang dunia perniagaan. Ilmu yang saya perolehi daripada program ini telah menjelaskan kepada saya tentang bidang perniagaan. Selain itu, program webinar ini bukan sahaja membincangkan tentang perniagaan. Sebagai contoh, objektif yang saya dapat daripada program ini iaitu saya ingin menjauhi diri daripada makan gaji buta dan dapat mendapatkan pengalaman serta pendapatan tetap bagi menampung sara hidup yang semakin meningkat pada era ini lagi-lagi musim COVID-19. Selain itu, dapat memupuk minat saya yang mendalam terhadap dunia perniagaan ini. Saya juga ingin menjadi salah seorang usahawan yang berjaya di Malaysia. Aktiviti perniagaan dapat menyumbang dalam sektor ekonomi dalam perbincangan pembangunan negara yang lebih memfokuskan kepada perniagaan di negara Malaysia.

Kesimpulannya, saya berharap agar pada masa yang akan datang, saya dapat menubuhkan perniagaan saya sendiri dan dapat menolong graduan yang lama menganggur. Tambahan pula, saya ingin melibatkan diri dalam program-program yang mengenai usahawan seperti ini dan dapat memberikan ilmu pengetahuan yang bermanfaat untuk diri saya dan orang di sekeliling saya.

LAMPIRAN

